

KENYATAAN AKHBAR

TARIKH TUTUP PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA MELALUI APLIKASI DALAM TALIAN (*ONLINE APPLICATION*) BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF SESI AKADEMIK 2009/2010

1. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf dengan menggunakan Aplikasi Dalam Talian (*Online Application*) melalui Laman Web Rasmi Kemasukan Ke IPTA di <http://upu.mohe.gov.my> yang telah dibuka mulai **3 Februari 2009** yang lalu.
2. Calon perlu mengemukakan permohonan dengan menggunakan **Nombor Unik ID, Nombor Kad Pengenalan / My Kad, Kata Laluan, Nama Ibu** serta **Kod Imej**. Pemohon boleh membeli Nombor Unik ID dengan harga RM 10.60 di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh negara atau menggunakan **ATM (BSN)** ataupun **SMS Banking** bagi pemegang akaun BSN sehingga tarikh tutup permohonan.
3. Calon dibenarkan mengemukakan **satu (1) kali permohonan** dan **tiga (3) kali pengemaskinian** sehingga tarikh tutup permohonan iaitu 10 hari bekerja selepas keputusan rasmi SPM 2008 diumumkan iaitu 25 Mac 2009 (Rabu).
4. **Tarikh tutup permohonan bagi Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf Sesi Akademik 2009/2010 ialah 25 Mac 2009 (Rabu).**

5. Semua pemohon Lulusan SPM 2008 (Kategori A) yang telah mengemukakan permohonan ke IPTA FASA 1 **wajib mengesahkan permohonan mereka di FASA 2 dengan menggunakan nombor Unik ID, Nombor Kad Pengenalan / My Kad dan Kata Laluan, Nama Ibu dan Kod Imej** sebelum tarikh tutup permohonan.

6. Justeru KPT menyarankan dan menasihati agar semua pemohon Lulusan SPM 2008 mengemukakan permohonan awal dalam usaha meningkatkan kelancaran dan mengurangkan kesulitan tempoh masa pemohon mengemukakan permohonan mereka. Kaedah ini merupakan langkah *pre-emptive* KPT dalam meningkatkan mutu perkhidmatan serta melicinkan lagi pengurusan permohonan kemasukan ke IPTA selaras dengan dasar kerajaan yang mengutamakan sistem penyampaian perkhidmatan secara berkesan dan mesra pengguna.

7. Sebarang kemusykilan boleh mendapatkan bantuan dengan menghubungi Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi, KPT di talian telefon: **03-88835801, 03-88835802, 03-88835858 dan 03-88835848** atau e-mel upu@mohe.gov.my.

**Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi**

12 Mac 2009